

5

PERDANA
MENTERI
MALAYSIA

RAMLAH ADAM

9595



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA






PERDANA MENTERI MALAYSIA

RAMLAH ADAM

PUSTAKA PERDANA



1013611

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2023



KK 352-320-0502011-49-3693-40101

Cetakan Pertama 2023

© Ramlah Adam 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ramlah Adam

5 PERDANA MENTERI MALAYSIA / RAMLAH ADAM.

Mengandungi indeks

Bibliografi : hlm. 445

ISBN 978-983-49-3693-8

1. Prime ministers--Malaysia.
2. Political leadership in literature.
3. Malaysia--Politics and government.
4. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

352.23099595

Dicetak oleh
Global Smart Printings Sdn. Bhd.
A-G-20, Jalan UP 1/1A, Spring Ville
Taman Ukay Perdana
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	ix
<i>Pendahuluan</i>	xi
Bab 1: Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Perdana Menteri Malaysia Pertama)	1
Pengenalan	1
Keluarga	2
Pendidikan	4
Kerjaya Awal	8
Perkahwinan	13
Penglibatan dalam Politik	15
Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu 1957–1963	36
Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu 1957–1963	40
Perdana Menteri Malaysia 1963–1970	46
Sumbangan dalam Pentadbiran Negara	64
Kemuncak Pentadbiran	90
Meletakkan Jawatan	96
Peranan Selepas Bersara Sebagai Perdana Menteri	98
Kesimpulan	102
Bab 2: Tun Abdul Razak Hussein (Perdana Menteri Malaysia Kedua)	105
Pengenalan	105
Keluarga	106
Pendidikan	107
Kerjaya Awal	111
Perkahwinan	112
Penglibatan dan Jawatan dalam Politik	113
Jawatan dalam Pentadbiran Negara 1955–1976	121
Sumbangan kepada Negara Malaysia	122
Perdana Menteri Malaysia Kedua	146
Kesimpulan	188

Bab 3: Tun Hussein Onn	191
(Perdana Menteri Malaysia Ketiga)	
Pengenalan	191
Keluarga	194
Pendidikan	194
Kerjaya Awal	195
Perkahwinan	195
Penglibatan dalam Politik	196
Peguam 1958	204
Kembali dalam UMNO 1968	204
Perdana Menteri Malaysia Ketiga	213
Peranan Sebagai Perdana Menteri Malaysia Ketiga	217
Persaraan	243
Belasungkawa	245
Pengiktirafan	256
Kesimpulan	259
Bab 4: Tun Dr. Mahathir Mohamad	261
(Perdana Menteri Malaysia Keempat)	
Pengenalan	261
Keluarga	262
Pendidikan	263
Perkahwinan	266
Kerjaya Awal	266
Aktiviti Politik dan Pentadbiran	267
Perdana Menteri Malaysia Keempat	274
Sumbangan kepada Negara	346
Persaraan daripada Jawatan Perdana Menteri	362
Penulisan Buku	363
Kesimpulan	364
Bab 5: Tun Abdullah Ahmad Badawi	367
(Perdana Menteri Malaysia Kelima)	
Pengenalan	367
Keluarga	369
Pendidikan	371
Perkahwinan	372



Kerjaya Awal	372
Jawatan dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO)	373
Penglibatan dalam Politik	375
Perdana Menteri	378
Sumbangan kepada Negara	382
Peletakan Jawatan	426
Bapa Pembangunan Modal Insan	430
Anugerah dan Penghormatan	431
Kesimpulan	433
Bab 6: Perdana Menteri Malaysia: Permata Negara	435
<i>Bibliografi</i>	445
<i>Indeks</i>	453



PRAKATA

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaan-Nya, saya diberi kekuatan untuk menyiapkan tulisan ini walaupun dalam kesibukan mentadbir, mengajar dan melakukan aktiviti kemasyarakatan yang sentiasa menghambat diri ini. Saya juga amat berterima kasih atas kesihatan yang diberikan kepada saya walaupun usia semakin meningkat. Namun begitu, kerana minat yang mendalam terhadap penulisan ilmu sejarah dan ingin memberikan sesuatu kepada masyarakat sebagai tatapan bagi mengenang jasa dan peranan lima Perdana Menteri Malaysia, maka sedikit demi sedikit tulisan ini dilakukan, khas untuk golongan remaja, supaya mereka mengenal dan menghargai kepimpinan pemimpin dan pentadbir utama negara. Sumbangan dan jasa mereka tidak patut dilupakan.

Sekalung budi juga diberikan kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kerana telah memberikan kesempatan kepada saya untuk bertugas di sini sejak bulan Januari 2013. Dengan adanya peluang ini, saya dapat menggunakan kesempatan berkhidmat di UniMAP ini untuk terus berkarya dalam bidang ilmu sejarah dan menghasilkan beberapa buah buku, terutama tentang institusi dan pentadbiran negara seperti tulisan *5 Perdana Menteri Malaysia* ini. Tulisan ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Sejarah ialah cerminan wajah Malaysia pada hari ini.

Ucapan terima kasih juga kepada keluarga saya yang telah mendukung minat saya dalam penyelidikan dan penulisan buku ini. Walaupun suami saya, Haji Mokhtar bin Ahmad dan anak perempuan saya, Nur Hayati diberi ujian yang perit, dengan bantuan-Nya juga saya dan keluarga dapat menghadapi ujian itu dengan tabah. Anak-anak saya Mohd. Lutfi, Mohd. Helmy, Mohd. Salihin dan Muhammad Mukhlis, serta menantu saya, Azlizan bin Nayan telah memberikan sokongan tenaga dan semangat untuk



saya melalui ujian-ujian itu. Alhamdulillah, keadaan terkawal dan saya bertawakal kepada Allah SWT yang menentukan segala keputusan-Nya.

Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pembantu-pembantu saya, Aishah binti Kamaruddin, Intan Syafinaz binti Shafie, Wahidatul Shamimi binti Termizi, Nor Afiqah binti Md Nor dan Sharifah Dara Naqiyah, yang tidak jemu-jemu membantu saya dalam pelbagai aspek. Jasa mereka tidak akan dilupakan sampai bila-bila pun.

Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Hajah Ramlah Adam
Universiti Malaysia Perlis

PENDAHULUAN

Malaysia telah ditadbir dengan pelbagai pendekatan dan pencapaian oleh tujuh orang Perdana Menteri, iaitu sejak tahun 1957 hingga 2019. Namun begitu, untuk tulisan ini, penulisan hanya dilakukan kepada lima orang Perdana Menteri. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis berpendapat bahawa kelima-lima orang Perdana Menteri ini telah melalui satu era pentadbiran yang boleh dianggap sebagai tapak kepada banyak peristiwa penting negara yang menjadi asas kepada pembangunan negara. Mereka menjadi pengasas kepada kemerdekaan dan pembentukan Malaysia, di samping menjadi pengasas kepada dasar-dasar pembangunan negara dan menyelesaikan cabaran-cabaran politik serta pentadbiran negara.

Bagi Perdana Menteri keenam pula, iaitu Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, masih menjadi sebuah cerita yang belum selesai. Memang benar Barisan Nasional (BN) telah tidak dapat lagi menjadi kerajaan selepas kalah dalam Pilihan Raya Umum ke-14, namun persoalan politik yang dibangkitkan terhadapnya dan tindak balasnya terhadap tekanan politik itu belum berakhir. Kesudahan politiknya masih belum diketahui, walaupun peranannya sebagai Perdana Menteri telah berakhir. Oleh itu, satu tulisan yang sesuai untuk penglibatannya sebagai Perdana Menteri Malaysia keenam menjadi keperluan pada masa hadapan.

Penulisan tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ketujuh juga tidak mungkin dapat dilakukan kerana pentadbirannya baru bermula. Pentadbirannya sebagai Perdana Menteri ketujuh sangat berbeza daripada semasa beliau menjadi Perdana Menteri keempat. Parti yang diwakilinya pada hari ini bukanlah UMNO/BN seperti kedudukannya sebagai Perdana Menteri keempat. Kini beliau memenangi PRU 14 dengan menjadi Pengerusi Pertubuhan Pribumi Malaysia Bersatu (PPBM) dan Pakatan Harapan (PH). Anggota PH juga berbeza dan sangat berbeza daripada kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri keempat.



Dasar-dasar yang dilakukannya juga sangat berbeza daripada dasar-dasar semasa beliau menjadi Perdana Menteri keempat. Maka penulisan tentang beliau sebagai Perdana Menteri keempat berakhir pada tahun 2003 sahaja. Peranannya sebagai Perdana Menteri ketujuh memerlukan satu kajian dan penulisan lain, yang perlu dilakukan pada masa hadapan.

Buku ini ditulis sebagai sebuah buku rujukan umum untuk tatapan pelajar sekolah menengah dan kolej. Tulisan ini juga ditujukan kepada anggota masyarakat yang memerlukan maklumat umum tentang bekas Perdana Menteri ini. Oleh sebab buku ini bersifat umum, maka penulisannya berbeza daripada tulisan akademik, terutamanya sebuah tesis. Dalam tulisan yang bersifat bacaan umum ini, pembaca memerlukan suatu pengetahuan yang ringkas tetapi menyeluruh tentang aspek-aspek pencapaian dan kelemahan dalam pentadbiran Perdana Menteri itu. Maklumat-maklumat yang diberikan juga tidak memerlukan analisis akademik sehingga pembaca menjadi terkeliru ataupun susah untuk memahaminya.

Dalam sebuah tulisan untuk bacaan umum, penggunaan nota kaki yang banyak juga tidak digalakkan seperti dalam penulisan tesis atau buku akademik. Perbincangan yang umum dengan fakta-fakta umum yang dikutip daripada buku sekunder sudah cukup untuk menghuraikan peranan dan sumbangan Perdana Menteri Malaysia itu. Sumber rujukan juga boleh dibuat secara umum pada akhir penulisan buku ini. Semua hal ini dilakukan untuk mengelakkan para pelajar dan masyarakat umum daripada meninggalkan buku ini di atas rak buku tanpa dibaca.

Kesemua Perdana Menteri Malaysia yang ditulis merupakan negarawan yang telah meninggalkan kita kecuali Tun Dr. Mahathir Mohamed dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Banyak penilaian dan pandangan yang telah diberikan kepada mereka. Banyak juga kritikan dan pujian yang telah dilemparkan kepada mereka sepanjang menjadi Perdana Menteri. Setiap seorang daripada mereka telah memberikan penanda aras terhadap tempoh pentadbirannya. Setiap Perdana Menteri membawa pencapaian yang berbeza antara satu sama lain. Ada juga Perdana Menteri yang menjadi penerus dasar yang lama di



samping menambah pendekatan, pemikiran dan tindakan yang baharu. Apa-apa pun yang dilakukan, semuanya untuk kepentingan negara dan bangsa Malaysia yang tercinta ini.

Perdana Menteri yang pertama yang dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan ialah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau telah menjadi Yang Dipertua Agung/Presiden United Malays National Organization (UMNO) yang kedua selepas menggantikan Dato' Onn Ja'afar, pengasas UMNO. Apabila memenangi Pilihan Raya 1955, Tunku Abdul Rahman, yang menjadi Presiden Parti Perikatan (Alliance Party), telah menjadi Ketua Menteri dan kemudian Perdana Menteri selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) pada 31 Ogos 1957. Selepas penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia. Beliau mentadbir sehingga bulan September 1970.

Pentadbiran Tunku Abdul Rahman menjadi asas kepada Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Di tangan beliau terletak segala dasar yang difikirkan sesuai untuk memajukan negara. Di pundak beliau juga tergantung persoalan-persoalan kenegaraan yang patut diletakkan hala tujunya. Namun, sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri terpaksa menghadapi banyak cabaran. Antaranya termasuklah memajukan ekonomi dan pembangunan negara. Rancangan Malaya Pertama dan Rancangan Malaya Kedua telah dilaksanakan sebagai strategi pembinaan negara yang sistematik. Pembangunan negara tidak mudah dilakukan kerana sumber pendapatan yang terhad.

Namun begitu, isu yang lebih mencabar ialah mengendalikan masyarakat majmuk yang telah terpisah dan terasing begitu lama dalam pentadbiran British. Dasar pecah dan perintah British telah mengasingkan bukan sahaja petempatan penduduk tetapi juga bidang pekerjaan dan ekonomi sehingga timbul jurang yang sangat dalam antara penduduk Tanah Melayu. Inilah isu yang dihadapi oleh Tunku sehingga meletusnya Peristiwa 13 Mei 1969, yang akhirnya membawa peletakan jawatan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri pada tahun 1970.



Perdana Menteri Malaysia kedua ialah Tun Abdul Razak Hussein, yang terkenal sebagai Bapa Pembangunan Malaysia. Beliau yang merupakan anak kelahiran Pahang, telah dilantik sebagai Perdana Menteri pada 7 September 1970, menggantikan Tunku Abdul Rahman. Pengalaman beliau yang begitu luas sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Tunku Abdul Rahman, iaitu selama 16 tahun, dalam membantu usaha mentadbir, mengurus dan membangunkan negara, telah memberikan kekuatan untuk beliau dikenali sebagai Bapa Pembangunan Malaysia, terutama bagi kawasan luar bandar. Beliau juga dikenali sebagai peletak batu asas pendidikan kebangsaan negara melalui Penyata Razak 1956. Beliau juga terkenal sebagai seorang birokrat yang handal dengan perancangan dan pembangunan pentadbiran dengan dasar Buku Merah dan Buku Hijau.

Tun Hussein Onn ialah Perdana Menteri Malaysia ketiga, berasal dari Johor Darul Takzim dan anak kepada Dato' Onn Ja'afar, Presiden UMNO pertama. Beliau menggantikan Tun Abdul Razak Hussein, yang merupakan birasnya. Tun Hussein Onn dikenali sebagai Bapa Perpaduan melalui usaha mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini amat perlu memandangkan Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan satu titik hitam dalam sejarah negara. Peristiwa itu telah menumpahkan darah rakyat Malaysia akibat daripada hubungan kaum yang tegang selepas Pilihan Raya Umum 1969. Tun Hussein Onn juga dikenali kerana ketegasannya mengikut peraturan dalam tindakannya. Beliau juga terkenal dengan beberapa insiden politik negara seperti kes Dato' Harun Idris dan Darurat di Kelantan pada tahun 1977.

Perdana Menteri keempat ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang berasal dari Kedah Darul Aman. Beliau menyandang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981 menggantikan Tun Hussein Onn, yang bersara kerana kesihatan yang tidak mengizinkan. Tempoh kepimpinan Tun Dr. Mahathir sangat panjang jika dibandingkan dengan pemimpin negara yang lain. Beliau mentadbir negara selama 22 tahun. Masa yang panjang ini tentulah membolehkan beliau melaksanakan banyak perkara bagi pembangunan dan kemajuan negara. Tidak kurang juga permasalahan politik dalam



UMNO yang terpaksa dihadapinya. Konflik politik luar negara juga tidak kurang melanda pentadbirannya.

Apa-apa pun yang diperkatakan tentang pentadbirannya, jejak langkah dan tindakannya telah menjadi warna-warna yang menarik sebagai sebuah lukisan pentadbirannya. Tindakannya juga mengundang banyak kontroversi yang payah untuk diungkapkan dan difahami. Walau bagaimanapun, pentadbirannya telah banyak meninggalkan legasi yang akan terus diperkatakan sebagai perbandingan dengan pentadbiran Perdana Menteri selepasnya. Beliau juga terus penting sebagai negarawan yang sentiasa diminta pendapat dan pandangannya oleh generasi hari ini. Pengaruhnya masih terus terasa kerana tindakannya yang sangat aktif selepas bersara daripada jawatan Perdana Menteri. Dengan penubuhan Parti Pribumi Bersatu (Bersatu), Tun Dr. Mahathir terus aktif dalam politik negara.

Tun Abdullah Ahmad Badawi ialah Perdana Menteri kelima. Beliau berpendidikan agama dan Inggeris, iaitu satu gabungan ilmu yang tidak ada pada Perdana Menteri yang lain. Beliau berkelulusan Pengajian Islam dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada tahun 1964. Beliau kemudian menjadi pegawai pentadbiran awam sebelum memasuki arena politik menggantikan ayahnya, yang merupakan seorang wakil rakyat di Kepala Batas. Tun Abdullah menjadi Perdana Menteri dalam tempoh yang agak singkat; beliau meletakkan jawatan pada tahun 2009.

Kesemua Perdana Menteri ini telah menjalankan tugas membina dan mengurus negara mengikut tuntutan masa dan isu-isu yang timbul dan berbangkit semasa tempoh pentadbiran mereka. Keupayaan mereka membuat tindakan-tindakan penting itu pada keseluruhannya telah memberikan impak yang besar terhadap negara. Kejayaan dan kegagalan atau kelemahan mereka tercermin daripada kejayaan, kemakmuran dan kelemahan negara itu sendiri. Semua ini dapat dilihat dan dikaji oleh masyarakat dan dunia. Oleh itu, terdapat perbezaan pencapaian yang besar antara kelima-lima orang Perdana Menteri tersebut.

Walaupun semuanya telah menjadi sejarah, kajian terhadapnya perlu untuk menilai keberkesanan mereka sebagai pemimpin



utama negara. Peranan dan sumbangan mereka juga boleh menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk menjadi pemimpin pada hari muka, di samping memahami selok-belok pembinaan negara bangsa Malaysia. Dengan pengetahuan itu, generasi muda akan dapat mencintai negara ini dengan lebih mendalam dan seterusnya membelanya dengan lebih bermakna. Semangat jati diri Malaysia juga dapat dibentuk dalam jiwa mereka. Tulisan ini dapat memberikan makna yang penting kepada rakyat Malaysia sebagai satu khazanah dan warisan negara.

BAB 1

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ (Perdana Menteri Malaysia Pertama)



Sumber: Koleksi penulis.

PENGENALAN

Tunku (Tengku) Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah satu nama yang tidak asing khususnya dalam lipatan sejarah politik dan kemerdekaan negara. Pencapaiannya dalam pentadbiran negara telah menyebabkan kita pada masa ini dapat menikmati kehidupan

yang tenteram walaupun negara mempunyai pelbagai kaum dan etnik. Pencapaian terbesar yang telah dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman ialah mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan membentuk Malaysia. Tunku memperoleh kemerdekaan yang diidam-idamkan oleh negara yang telah memberikan satu pengalaman sejarah yang begitu berharga buat negara kita sehingga kini.

Kejayaan Tunku Abdul Rahman memperoleh kemerdekaan melalui perundingan meja bulat di England telah membawa satu perubahan yang amat ketara dalam sejarah negara kita. Hal ini sangat berbeza daripada negara-negara jiran seperti Burma, Indonesia, Vietnam dan Filipina, yang memperoleh kebebasan politik negara melalui pertumpahan darah. Kejayaan Tunku untuk mendapatkan penghormatan serta mengembalikan maruah sebuah negara berdaulat telah tercapai pada 31 Ogos 1957. Atas kejayaan dan kebanggaan inilah, Tunku telah dinobatkan sebagai “Bapa Kemerdekaan” dan inilah imej yang dikekalkan sehingga kini dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sumbangan dan pengorbanan yang dicurahkan ini telah memberikan kesejahteraan yang besar buat negara sehingga hari ini yang perlu diambil iktibar oleh generasi kini. Penghargaan turut diberikan kepada Tunku dalam usaha menubuhkan gagasan Malaysia yang meliputi 13 buah negeri keseluruhannya. Kejayaan Tunku telah membawa nama Malaysia serta Tunku sendiri sebagai hasil lipatan sejarah yang dikagumi sehingga kini. Penubuhan Malaysia telah menaikkan prestij Tunku sebagai seorang pemimpin yang terkenal dalam era pentadbirannya.

KELUARGA

Satu keistimewaan yang terdapat pada Tunku Abdul Rahman ialah latar belakang sebagai seorang anak raja, keturunan daripada kerabat diraja Kedah. Latar belakang ini amat penting bagi mengingatkan bahawa beliau dapat mengukuhkan serta meneruskan lagi warisan politik tradisional yang lebih bercirikan politik feudal-monarki. Dalam sistem politik ini, faktor serta kepentingan istana telah menjadi pusat aktiviti sosiopolitik serta ekonomi yang begitu jelas sekali. Sistem politik ini juga sebenarnya terdapat satu



unsur penting, iaitu penaungan yang menggambarkan hubungan pemerintah dan rakyat.

Nama sebenar Tunku ialah Tengku Abdul Rahman Putera Ibni Abdul Hamid Halim Shah. Beliau dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah, di Istana Tiga Tingkat yang turut dikenali sebagai Istana Pelamin dan juga dijadikan sebagai tempat Majlis Mesyuarat Negeri Kedah pada ketika itu. Tunku dikenali sebagai Awang dalam kalangan keluarganya kerana perbezaan fizikal seperti berkulit gelap serta rupa paras yang tidak kacak.

Tunku merupakan anak yang ketujuh hasil perkongsian hidup Sultan Abdul Hamid Halim Syah dengan Cik Menjalara atau dalam nama Islamnya Sharifah Fatimah yang merupakan puteri pembesar Shan. Negeri Shan merupakan sebuah negeri di bawah pemerintahan Siam pada ketika itu. Cik Menjalara telah dihantar kepada Sultan Ahmad Tajuddin, iaitu Sultan Kedah yang telah memerintah pada tahun 1842 setelah dikalahkan oleh pihak Siam pada tahun 1821. Lipatan sejarah Kedah telah menyatakan bahawa Cik Menjalara merupakan wanita yang terkaya di Kedah kerana beliau mempunyai minat berniaga yang jarang-jarang dimiliki oleh wanita Kedah pada waktu itu.

Sebagai ibu kepada Tunku Abdul Rahman, Cik Menjalara amat mementingkan disiplin dalam membentuk tingkah laku Tunku untuk menjadi seorang anak yang berjaya. Kehidupan yang bercirikan pembangunan ala-Barat serta cita rasa daripada Siam yang diperkenalkan di Kedah telah menyedarkan Tunku terhadap satu unsur baharu dalam cara hidupnya yang bakal mempengaruhi alam kematangannya nanti. Keadaan persekitaran dan kenakalannya yang bersifat lokal telah memberikan peluang yang baik bagi Tunku untuk merasai kesusahan dan penderitaan rakyat Kedah pada ketika itu.

Sebagai anak raja, Tunku telah dibesarkan dengan penuh kemewahan dengan dijaga oleh seorang pengasuh khas, iaitu seorang perempuan Siam pilihan ibunya sendiri. Kehidupan yang penuh adat seperti merendah diri telah menjadi tulang belakang kepada personaliti Tunku. Cik Menjalara mempunyai cara dan kaedah yang tersendiri dalam mendidik anak-anaknya bagi membentuk disiplin yang tinggi. Misalnya, Cik Menjalara telah menggunakan rotan dan





semambu untuk mengajar anak-anaknya menurut pertimbangannya. Namun begitu, berbeza daripada Tunku, Cik Menjalara tidak begitu keras dalam didikannya. Hal ini berlaku kerana tahap kesihatannya yang tidak begitu memuaskan sejak kecil. Tunku pernah menghidap demam malaria serta penyakit puru kerana tahap kebersihan negeri Kedah pada waktu itu masih belum memuaskan.

Persekitaran Tunku serta sifat kenakalannya yang bersifat lokal itu telah menaikkan semangatnya untuk melawan keadaan kesihatannya yang lemah. Selain itu juga, sifat yang degil, keras kepala dan suka memberontak ini telah membentuk personaliti Tunku. Identiti ini telah menyebabkan Tunku mempunyai kebebasan membuat keputusan sendiri. Misalnya, pada masa itu Tunku telah membentuk pasukan bola sepak kampung di luar istana dengan Balai Besar untuk bermain dengan kawan-kawannya.

PENDIDIKAN

Tunku memulakan alam persekolahannya dalam usia yang agak muda kerana keinginan bondanya untuk menjadikan Tunku seorang anak raja yang bijak serta mengurangkan sifat kenakalannya. Semasa berumur empat tahun, Tunku telah didedahkan kepada pendidikan bahasa Melayu apabila dihantar ke sekolah Melayu di Alor Setar. Tujuannya untuk memperbaiki serta mempelajari bahasa Melayu secara rasmi dan teratur kerana Tunku bertutur dalam bahasa Siam di kediamannya akibat pengaruh bondanya. Selain itu juga, Cik Menjalara turut menghantar Tunku untuk mempelajari bahasa Inggeris di sebelah petang bagi melengkapkan lagi pendidikan Tunku. Setahun selepas itu, Tunku telah dihantar ke alam persekolahan secara rasmi di Government English School Kedah yang kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid untuk mendapatkan pendidikan dalam pengantar bahasa Inggeris secara formal.

Pada tahun 1913, Tunku telah dihantar ke Bangkok untuk melanjutkan pelajarannya di Sekolah Debsirindir dengan menetap bersama-sama kakanda sulungnya, iaitu Tunku Yusuff, yang ketika itu sedang berkhidmat dalam pasukan tentera Thailand berpangkat



Kapten. Bagi Cik Menjalara, inilah langkah terbaik bagi Tunku untuk membesar dengan cara memahami kebudayaannya jitu. Cik Menjalara mengharapkan Tunku sebagai warisnya bagi mengekalkan kebudayaan serta merapatkan hubungan dengan saudara-mara sebelah bondanya di Bangkok. Oleh sebab Tunku kerap menggunakan bahasa Siam di Kedah, Tunku begitu cepat menyesuaikan diri di sekolah tersebut. Pergaulannya dengan rakan sebaya telah menyebabkan Tunku berasa gembira menetap di Bangkok. Kegembiraan yang dinikmati oleh Tunku tidak berpanjangan apabila dua tahun kemudiannya Tunku terpaksa pulang ke Kedah kerana kemangkatan Tunku Yusuff.

Tunku telah ditempatkan di sekolah Melayu di Jalan Bahru Alor Setar sehingga darjah empat. Kemudiannya, Tunku memasuki Penang Free School di Pulau Pinang dengan menduduki tahun dua kerana usianya yang agak tua, iaitu 12 tahun. Enam bulan kemudiannya, barulah Tunku dihantar ke darjah empat. Semasa di Penang Free School, Tunku tidak dilayan sebagai putera raja kerana sifat kenakalan tidak seperti pelajar yang lain. Tunku turut menggelarkan guru Cina sebagai “burung hantu” kerana sentiasa menggunakan rotan untuk mendisiplinkan para pelajar yang nakal dan malas termasuk Tunku sendiri. Tunku sering diejek oleh rakan-rakannya kerana melihat cara hidup Tunku yang tidak sesuai dengan konteks Pulau Pinang pada waktu itu.

Pada ketika itu, Pulau Pinang merupakan sebuah kawasan pelabuhan terbuka yang telah menjadi jajahan takluk British dengan segala bangsa hidup tanpa bayangan istana raja serta kaum kerabatnya. Inilah yang menjadi permasalahan kepada Tunku pada waktu itu kerana bondanya tetap melihat Tunku sebagai anak raja yang perlu dilayan dengan sebaik-baiknya. Tunku bukanlah seorang pelajar yang pintar dan Tunku mempunyai sifat malas belajar. Tunku lebih suka menyertai pasukan-pasukan sukarela sekolah seperti pasukan pengakap dan Cadet Corps yang bakal memberikan peluang kepadanya untuk bergaul bebas dengan rakan sebayanya.

Setelah Tunku menamatkan alam persekolahannya di Penang Free School pada tahun 1919, Tunku telah dihantar ke England

ketika berusia 16 tahun untuk menyambung pelajarannya di St. Catherine's College, iaitu sebuah kolej paling kecil di University of Cambridge. Tunku telah mendapat biasiswa daripada kerajaan Kedah kerana kedudukannya sebagai anak raja. Pemberian biasiswa ini merupakan satu dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Kedah bagi meningkatkan mutu pendidikan golongan raja.

Tunku telah memasuki University of Cambridge seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan Kedah. Hal ini dilakukan supaya anak-anak raja Kedah belajar di universiti yang ternama bagi membolehkan mereka dipandang tinggi serta dianggap layak memasuki perkhidmatan awam Kedah. Buat pertama kalinya, Tunku tidak dilayan sebagai anak raja dan Tunku tidak dibenarkan tinggal di dalam asrama St. Catherine's College kerana dasar warna kulit yang diamalkan oleh pihak British pada ketika itu. Tunku telah berdepan dengan dasar aparteid yang telah diamalkan oleh orang Inggeris kepada orang Asia. Di kolej tersebut, Tunku telah mengambil subjek Sejarah dan Pengenalan Undang-undang yang membolehkan Tunku mengambil jurusan Undang-undang di Inner Temple, London.

Pengabaian pelajaran serta sifat yang penuh keseronokan Tunku di sana telah menyebabkan Tunku tidak dapat menduduki peperiksaan Sarjana Muda Sastera kerana terlupa jadual peperiksaan. Disebabkan kekecewaannya, Tunku telah mengambil peperiksaan Bahagian Pertama Undang-undang di Inner Temple dan Tunku telah lulus bahagian pertama, iaitu Kursus Undang-undang Jenayah. Sifatnya yang kurang gemar membaca dan menghafal telah menyebabkan Tunku dibantu oleh rakan-rakannya untuk memaksa Tunku menghafal pelajarannya. Usaha Tunku itu akhirnya mendapat ganjaran apabila keputusan yang dikeluarkan menunjukkan Tunku disenaraikan sebagai orang yang lulus kursus tersebut walaupun dengan kelulusan yang paling minimum. Pada tahun 1925, Tunku telah dianugerahi Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sejarah) yang telah mengambil masa tujuh tahun untuk melengkapkannya.

Pencapaian akademik Tunku yang tidak memuaskan itu telah mendapat persetujuan daripada kerajaan Kedah dan kaum kerabatnya. Mereka tetap mahu Tunku lulus dalam bidang undang-



undang. Pada tahun 1927, Tunku telah dihantar semula ke England untuk melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di universiti yang sama. Pada tahun 1930, Tunku telah lulus dalam peperiksaan undang-undang, jenayah, perlembagaan serta sejarah undang-undang bahagian permulaan. Berita Tunku Abdul Rahman lulus dalam bidang undang-undang telah disambut meriah sekali oleh beberapa orang Melayu yang mengenali Tunku di Kedah. Mereka berbangga kerana akhirnya anak raja mereka telah lulus dalam bidang undang-undang. Walau bagaimanapun, mereka telah tersilap faham bahawa yang sebenarnya lulus ijazah undang-undang ialah Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan. Tuanku Abdul Rahman ialah Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.

Pada tahun 1938, Tunku telah berangkat ke England untuk meneruskan pengajian dalam bidang undang-undang. Sebagai seorang pentadbir yang tidak mempunyai ijazah undang-undang yang baik, Tunku merasakan dirinya tidak akan mendapat layanan dan kedudukan yang baik dalam perkhidmatan kerajaan Kedah. Tunku merupakan kerabat diraja yang terawal melanjutkan pelajaran ke England dan telah mengulanginya sebanyak dua kali dalam masa hampir 15 tahun. Maka untuk kali ketiga, Tunku telah pergi sekali lagi ke England untuk meneruskan pengajiannya dalam bidang undang-undang. Oleh sebab berlaku keadaan yang tidak menyenangkan di Eropah ketika itu, apabila wujudnya tanda-tanda akan meletusnya Perang Dunia, maka Tunku telah kembali ke Tanah Melayu pada akhir tahun 1939. Sifat Tunku yang suka mengabaikan pelajarannya telah menyebabkan Tunku tidak lulus peperiksaan yang diambilnya pada waktu itu.

Pada tahun 1946, Tunku tiba di England bagi mendapatkan ijazah undang-undang. Bagi Mohamad Taib Andak, Mohamad Suffian Hashim dan Syed Isa Munawar, kedatangan Tunku telah mengembirakan mereka dan lantas menggelarkan Tunku sebagai "Ayah Hitam". Sebagai pelajar, Tunku tidak banyak berubah. Tunku masih tetap mahu dibantu oleh kawan-kawannya dalam pelajaran. Perangai Tunku yang tidak suka membaca tetapi suka mendengar bacaan analisis tidak dapat diubah. Akhirnya pada



tahun 1948, Tunku telah mendapat segulung ijazah undang-undang ketika berumur 46 tahun. Ijazah ini telah lama diidam-idamkannya di England selepas menempuh halangan ketika zaman mudanya itu.

KERJAYA AWAL

Setelah kembali ke Kedah, Tunku Abdul Rahman diberi tugas sebagai Pegawai Tadbir Awam Kedah. Dengan kelulusannya yang tidak begitu memuaskan, tetapi sebagai seorang kerabat diraja, Tunku telah diberi jawatan sebagai Penolong Pegawai sahaja. Beliau diletakkan dalam pentadbiran daerah pedalaman yang belum membangun. Menteri Besar Kedah, Dato' Haji Sharif, dikatakan tidak begitu menghargai perkhidmatan Tunku. Tunku banyak berehat daripada bekerja. Hal ini tidak menghairankan kerana kedudukan Tunku Abdul Rahman sebagai putera Sultan Kedah.

Pegawai Tadbir Kedah

Pada bulan April 1931, Tunku telah menyandang jawatan sebagai Penolong Pegawai Latihan di Pejabat Penasihat Undang-undang Kedah sekembalinya dari England. Semasa memulakan kerjayanya itu, Tunku telah menghadapi masalah dalam perkhidmatannya kerana pada waktu itu, Penasihat British di Kedah, Clayton, telah menentang keras permintaan Tunku untuk dimasukkan ke dalam Kedah Civil Service. Bagi Clayton, Tunku tidak mempunyai kelayakan yang cukup serta mempunyai beberapa masalah peribadi yang akan menjejaskan imej perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun dengan kedudukan Tunku serta pengaruh Sultan Kedah, Clayton membenarkan Tunku memasuki Kedah Civil Service dalam kelas V sahaja, iaitu kelas perkhidmatan awam Kedah yang paling rendah.

Layanan terhadap Tunku ini boleh dilihat sebagai satu penindasan daripada pihak British terhadap pegawai Melayu. Penindasan ini telah menyebabkan Tunku membandingkan dirinya dengan pegawai Melayu yang lain, iaitu pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Malayan Civil Service (MCS) yang kebanyakannya




terdiri daripada pegawai-pegawai British yang menerima gaji yang lebih tinggi berbanding dengan pegawai Malay Administrative Service (MAS). Oleh itu, permintaan Tunku supaya dibayar gaji permulaannya sebanyak \$300.00 seperti pegawai MCS akhirnya diterima berbanding dengan gaji permulaan \$190.00 sebulan. Walau bagaimanapun, Tunku tidak diberi sebarang kemudahan dan elaun. Kemudahan ini diperolehi dengan campur tangan pihak istana kerana kedudukannya sebagai anak raja.

Pada tahun 1935, Tunku telah dipindahkan ke Pulau Langkawi kerana berselisih faham dengan Penasihat British. Perselisihan faham ini berlaku apabila Tunku telah membenarkan orang kampung membuka tanah bendang yang tidak dibayar cukai. Sebagai Pegawai Jajahan Pulau Langkawi, Tunku tidak dapat berbuat banyak kemajuan kerana kurangnya perhatian daripada pihak kerajaan. Misalnya, pulau ini telah terputus daripada arus pembangunan dan perkembangan dalam sistem pendidikan negeri; Langkawi tidak diberi perhatian kerana kedudukannya yang sangat jauh dari Kedah. Tunku telah berusaha membina dua buah jalan tanah merah dan sebuah jeti dengan peruntukan yang kecil dan sokongan serta gotong-royong penduduk Kuah.

Pada tahun 1937, Tunku sekali lagi ditukarkan ke tanah besar, iaitu ke Sungai Petani. Tunku tidak berasa seronok bekerja di situ, sama seperti Langkawi, tanpa bantuan kewangan dan sokongan moral yang baik dari Alor Setar. Akhirnya, Tunku membuat keputusan untuk menyambung semula pelajaran undang-undang di England. Namun begitu, berlaku pergolakan di Eropah, maka Tunku telah kembali semula ke Tanah Melayu dan meneruskan kerjayanya sebagai Pegawai Jajahan di Sungai Petani. Tunku diberi tanggungjawab untuk memungut hasil daerahnya untuk diserahkan kepada kerajaan negeri serta bertanggungjawab menentukan musim penanaman padi dengan nasihat Jabatan Pertanian Negeri. Tunku turut bertindak sebagai hakim daerah menghakimi kes-kes jenayah, yang dilakukannya seminggu sekali di pejabatnya. Sebagai Pegawai Jajahan Kulim, Tunku juga menyandang tugas sebagai majistret. Selain itu, Tunku turut bertindak sebagai Pengerusi Lembaga Kebersihan Tempatan bagi kawasan Sungai Petani.





Sebagai seorang pegawai yang mesra rakyat, Tunku tidak kekok untuk bergaul dan minum kopi dengan orang kampung di gerai-gerai kecil. Keramahannya itu telah memberikan keselesaan kepada Tunku untuk membina sebuah masjid di pekan Sungai Petani yang dinamakan Masjid Rahmaniah, mengambil sempena nama Tunku. Walau bagaimanapun, Tunku telah dipindahkan ke Kulim dalam tempoh 24 jam kerana telah membuat keputusan membuang kes atas dakwaan kerajaan terhadap seorang pemandu kereta yang telah menentang keputusan kerajaan untuk menubuhkan syarikat kereta sewa. Tunku telah dipersalahkan kerana membuang kes itu. Keprihatinannya kepada rakyat sangat jelas sekali.

Pada tahun 1940, kerjaya Tunku semakin menyerlah apabila Tunku dilantik sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Pasukan Kawalan Am Selatan Kedah. Pelantikan ini sebagai persediaan untuk menghadapi peperangan dan serangan daripada pihak luar terhadap Tanah Melayu. Sebagai pegawai yang diamanahkan tugas itu, Tunku yang tidak pernah mendapat latihan ketenteraan atau taktik peperangan telah membuat tindakan yang biasa dilakukan sebagai persediaan menghadapi peperangan. Antara langkah yang dilakukan termasuklah membuat bangsal bawah tanah yang akan membekalkan makanan supaya dapat digunakan oleh orang ramai, di samping dijadikan tempat persembunyian. Apabila perang meletus, tindakan Tunku itu telah berhasil dengan menyelamatkan orang ramai daripada serangan Jepun.

Semasa pemerintahan Jepun pada tahun 1944, Kedah telah diserahkan kepada pihak Siam sebagai membalas budi baik Siam yang membantu Jepun menyerang Tanah Melayu. Pihak Siam telah membenarkan pihak Jepun menggunakan negerinya sebagai laluan untuk menyerang Tanah Melayu dari utara dan timur. Tentera Jepun telah dapat menguasai bandar dan kampung dengan mudah kerana pihak British tidak menyangka tentera Jepun akan menyerang dari utara dan timur Tanah Melayu. Pihak British hanya mempersiapkan Singapura sebagai pusat pertahanannya. Kemaraan tentera Jepun itu tidak dapat dihalang oleh tentera sekutu British. Akhirnya pada 15 Februari, Singapura jatuh ke tangan tentera Jepun dan pihak British terpaksa menyerah diri dan menjadi tawanan Jepun.



Selepas menguasai Tanah Melayu pada tahun 1942, pentadbiran tentera Jepun mengekalkan sistem pentadbiran British; hanya yang dilakukan ialah melantik pegawai-pegawai Jepun mengetuai jabatan-jabatan kerajaan. Rakyat tempatan pula terus berkhidmat sebagai pembantu kepada Jepun. Tunku telah dilantik sebagai Penyelia Pelajaran Negeri Kedah. Tugas Tunku adalah untuk mengadakan pengajian bahasa Jepun di semua sekolah. Di samping itu juga, Tunku telah memasukkan pelajaran “adab” dalam sukatan pelajaran sekolah kerana bagi Tunku, adab sopan yang baik menjadi keutamaan besar dalam kehidupan manusia.

Konflik Takhta dengan Tunku Badlishah, Sultan Kedah

Jepun telah menyerang Kedah melalui Jitra, sebuah kawasan utara, yang tidak diberi perhatian oleh pihak British dalam mempertahankan Tanah Melayu dalam Perang Dunia Kedua. Dengan mudah, tentera Jepun memasuki Kedah pada bulan Disember 1941. Pada 8 Disember 1941, satu angkatan kapal terbang pengebom Jepun telah melancarkan serangan terhadap lapangan terbang Sungai Petani. Tunku sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Pasukan Kawalan Am tidak dapat berbuat apa-apa dengan serangan tersebut. Namun begitu, satu hal yang penting dilakukan oleh Tunku ketika ambang kemasukan Jepun ke Kedah ialah menyorokkan ayahandanya daripada dilarikan oleh kakandanya, Tunku Badlishah, Raja Muda, ke India. Pada 9 Disember, Sultan Kedah serta Pemangku Raja, iaitu Tunku Badlishah, telah dibawa oleh Penasihat British ke Pulau Pinang untuk diselamatkan agar tidak menjadi tawanan Jepun. Tunku telah mendapat berita tersebut daripada Syed Omar Shahabuddin yang merupakan iparnya.

Tunku telah merancang untuk menculik Sultan Abdul Hamid daripada rombongan tersebut. Tunku bersama-sama Syed Abu Bakar al-Idrus telah menunggu rombongan itu di simpang pekan Kepala Batas yang mempunyai jalan besar untuk menuju ke Butterworth. Sebaik-baik sahaja kereta Rolls Royce yang membawa Sultan tiba, Tunku yang berpakaian lengkap ARF telah menahan kereta tersebut dan bertemu dengan Sultan Abdul Hamid. Tunku Abdul Rahman telah mengarahkan pemandu kereta tersebut, dengan mengacukan



pistol, supaya membawa Sultan Abdul Hamid ke Kulim. Pemangku Raja dan rombongan yang mengekori baginda tidak sedar akan kejadian tersebut.

Tunku Badlishah tiba di Pulau Pinang dengan perasaan yang marah. Baginda dan para pegawainya serta penasihat British berbincang untuk mencari Sultan Abdul Hamid. Akhirnya Tunku Badlishah mendapat berita bahawa Sultan Abdul Hamid telah diculik oleh Tunku Abdul Rahman dalam perjalanan menuju ke Pulau Pinang. Tunku Badlishah bergegas pulang ke Kedah dan mencari Sultan Abdul Hamid di Sedim, sebuah kampung terpencil di Kulim, Kedah. Di situlah ayahandanya Sultan Abdul Halim telah dilarikan oleh Tunku Abdul Rahman.

Bagi Tunku Abdul Rahman, dengan membawa sultan ke Sedim dan membiarkan Pemangku Sultan ke luar negara, Tunku akan diingati sebagai penyelamat ayahandanya dan akan menjadi pengganti Sultan Kedah yang sedang gering itu. Pengaruh ibunya dan personaliti Tunku sendiri serta keadaan huru-hara akibat meletusnya perang akan memberikan peluang yang besar kepada Tunku Abdul Rahman untuk dilantik sebagai Pemangku Raja. Ada kemungkinan juga Tunku akan dilantik sebagai sultan yang baharu kerana Sultan Kedah ketika itu berada dalam keadaan yang sangat gering dan harus diusung ke mana-mana sahaja. Atas kebimbangan besar inilah Tunku Badlishah terpaksa mencari ayahandanya demi masa depannya sebagai Raja Muda/Pemangku Sultan Kedah.

Ternyata akhirnya, perancangan Tunku Abdul Rahman gagal sehingga beliau dipandang serba tak kena oleh kerabatnya sendiri. Bagi mengelakkan ketegangan yang berlarutan, Tunku Abdul Rahman telah pergi ke England sekali lagi untuk mendapatkan ijazah undang-undangnya. Ijazah itu diraihnya pada tahun 1948 dengan bantuan kawan-kawannya yang rapat termasuk Abdul Razak Hussein.

Sekembalinya ke Kedah, Tunku telah dilantik sebagai Pegawai Daerah Langkawi. Pihak British kemudian telah melantiknya sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Pejabat Peguam Umum, Kuala Lumpur. Tunku telah dipinjamkan ke Persekutuan dan tetap menerima elaun perkhidmatan awam Kedah sebanyak \$150.00 sebulan. Gaji Tunku pada waktu itu adalah sebanyak \$4920.00 setahun sebagai pegawai Class VI Kedah Civil Service.



PERKAHWINAN

Pada tahun 1933, Tunku telah berkahwin dengan Mariam Abdullah, iaitu seorang gadis yang berdarah kacukan Cina-Siam yang merupakan anak seorang tauke lombong Cina di Alor Setar. Perbezaan keinginan antara Cik Menjalara dengan Tunku Abdul Rahman dalam soal pemilihan calon isteri telah menyebabkan Tunku mengambil keputusan untuk memilih sendiri bakal isterinya; Tunku tidak mahu dikahwinkan dengan seorang puteri raja. Pada hujung tahun 1933, Mariam telah melahirkan zuriat pertama mereka, iaitu Tunku Khatijah, dan setahun kemudiannya, pasangan ini dianugerahi seorang anak lelaki yang diberi nama Tunku Ahmad Nerang.

Kebahagiaan yang dikecapi oleh Tunku tidaklah lama. Mariam telah meninggal dunia kerana menghidap penyakit demam malaria yang ketika itu menjadi sebab utama kematian penduduk di kawasan Kuala Nerang, Kedah, tempat Tunku berkhidmat sebagai Pegawai Daerah. Kekurangan ubat-ubatan serta ketiadaan hospital di kawasan tersebut telah menjadi masalah besar kepada Tunku, yang tidak mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan ketika itu. Namun begitu, ada sumber yang mengatakan bahawa Mariam telah diberi ubat secara berlebihan oleh seorang doktor wanita Inggeris yang merawatnya, sehingga membawa kematiannya.

Violet Coulson merupakan isteri kedua Tunku Abdul Rahman. Mereka berkahwin ketika Mariam masih lagi hidup. Perkahwinan dengan wanita Inggeris ini pada tahun 1933 merupakan perkahwinan yang sangat dinantikan oleh Tunku. Violet telah ditinggalkan oleh Tunku pada tahun 1931 selepas tamat belajar di England. Mereka merupakan pasangan kekasih semasa Tunku belajar di England. Tunku telah berkahwin dengan Violet di Geylang Serai, Singapura, dengan disaksikan oleh Syed Ahmad Alsagoff. Perkahwinan rahsia ini terpaksa dilakukan disebabkan peraturan kerabat diraja Kedah yang melarang perkahwinan dengan orang luar, terutamanya orang Inggeris, kerana hubungan tegang antara Kerajaan Kedah dan Kerajaan British pada ketika itu. Selepas perkahwinan itu, Tunku telah membawa Violet ke Pulau Langkawi bagi mengelakkan tekanan daripada pihak istana.

Kehidupan Violet di Pulau Langkawi sangat menyeksakan. Beliau tidak gembira berada di situ kerana kedudukannya yang



5

PERDANA
MENTERI
MALAYSIA

Buku *5 Perdana Menteri Malaysia* ini mengandungi lima bab yang memberikan fokus kepada peranan dan pentadbiran Malaysia di bawah teraju lima orang Perdana Menteri, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Setiap bab menerangkan secara terperinci kehidupan peribadi setiap tokoh tersebut, penglibatan mereka dalam politik, kemuncak pentadbiran, cabaran yang dihadapi dan sumbangan yang telah diberikan. Turut dinyatakan dalam setiap bab ialah aspek pencapaian dan kelemahan dalam pentadbiran perdana menteri tersebut. Selain itu, peristiwa penting dalam negeri dan juga pegangan dasar luar pentadbiran setiap perdana menteri juga diperihalkan.

RM60.00

ISBN 978-983-49-3693-8

06000



9 789834 936938